



Orang yang berjaya sebenarnya ialah mereka yang sanggup melakukan pengorbanan terhadap apa saja yang dimiliki termasuk masa, wang, harta, tenaga dan buah fikiran.

Semua bentuk pengorbanan itu sangat dituntut dalam Islam demi kesinambungan hidup dan kesejahteraan umat dunia dan akhirat.

Berdasarkan Kamus Dewan, pengorbanan bermakna kesanggupan melakukan atau menanggung sesuatu sebagai tanda kebaktian.

Dalam erti kata lain, kesanggupan berbakti dalam apa juga bentuk yang boleh memberi manfaat.

Kejayaan masa depan

Dalam ruangan ini penulis ingin membicarakan mengenai pengorbanan yang dilakukan dalam konteks kerjaya. Pegawai atau pekerja harus memiliki sifat mahu berkorban bagi mencapai kejayaan diri pada masa depan.

Lihatlah di sekeliling kita. Didapati ramai yang berjaya dalam kerjaya disebabkan oleh kesanggupan mereka untuk melakukan pengorbanan dalam tugas yang diamanahkan oleh organisasi.

Mereka ini kuat

bekerja hingga sanggup mengorbankan masa, tenaga dan wang ringgit semata-mata untuk mencapai kejayaan dalam kerjaya mereka seterusnya memajukan organisasi.

Sebaliknya, ada pekerja yang tidak sanggup melakukan pengorbanan hingga mengakibatkan mereka sukar berjaya dalam kerjaya diceburi.

Bersungguh-sungguh

Sebenarnya, banyak cara untuk pekerja melakukan pengorbanan. Bekerja lebih masa untuk menyiapkan sesuatu tugas bagi mencapai objektif organisasi adalah satu pengorbanan.

Contohnya, baru-baru ini, sekumpulan rakan penulis menghadiri bengkel di Lumut, Perak oleh organisasi mereka bagi menyiapkan dan melengkapkan beberapa dokumen penting.

Sudah tentu apa yang dilakukan itu adalah pengorbanan ketika pekerja lain dapat ber-cuti dan berehat bersama keluarga sedangkan mereka bersungguh-sungguh menayakan tugas itu bagi mencapai misi organisasi.

Lihatlah betapa besar pengorbanan pegawai dan anggota keselamatan negara termasuk

Mesti komited untuk cemerlang



Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia yang sentiasa bertugas menjaga keselamatan, keamanan dan kesejahteraan rakyat.

Melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi dalam atau luar negara dan berjauhan daripada ibu bapa serta keluarga adalah pengorbanan yang dilakukan pelajar dalam menuntut ilmu.

Sokongan moral

Ibu bapa turut berkorban dalam aspek sokongan moral dan wang ringgit semata-mata untuk melihat kejayaan anak mereka belajar serta mendapat jaminan pekerjaan.

Setiap pengorbanan dalam kerjaya amat besar sumbangan kepada agama, bangsa dan negara.

Pendek kata, pengorbanan bukan hanya dalam aspek rutin tetapi meliputi kerjaya yang mempunyai peranan dan kelebihan masing-masing.

Contohnya, pengorbanan pegawai dan anggota keselamatan dihargai kerana mempertahankan tanah air daripada musuh negara. Mereka yang berjaya itu dianugerahi pingat atau darjah kebesaran sama ada pada peringkat negeri atau persekutuan.

Pengorbanan pegawai yang bekerja dengan tekun, rajin serta ikhlas lazimnya bakal menerima ganjaran seperti anugerah khidmat cemerlang atau kenaikan pangkat oleh organisasi mereka.

Graduan yang akan memasuki alam pekerjaan seharusnya menghayati konsep pengorbanan. Dengan cara itu, mereka mampu menjadi pekerja yang bersedia untuk melakukan pengorbanan secara sukarela dalam tugas yang dilakukan kelak.

Sesungguhnya, pengorbanan yang dilakukan secara ikhlas adalah amalan mulia di sisi agama.

Konsep pengorbanan dalam konteks kerjaya sangat penting untuk mendapat keredaan Allah SWT.

Percayalah amalan yang baik serta ikhlas berkorban tentunya akan mendapat balasan dan ganjaran yang baik daripada Allah SWT sama ada di dunia atau akhirat.

*Beli sebakul ikan
tambahan*

*Mari dibawa ke Batu
Arang*

Jika hidup ikhlas berkorban

*Budi dan jasa dikenang
orang*